

Newspaper	Utusan Melayu
Date	16/08/2017IC

Dr. Mahathir sendiri pilih dilayan buruk

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 15 OGOS

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu menerima layanan buruk yang terimanya dalam Forum *Nothing To Hide 2.0* kerana beliau sendiri yang memilih untuk diperlakukan seperti itu.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, Dr. Mahathir yang memilih untuk menjadi pejuang jalanan dan berkelakuan seperti samseng.

Katanya, rakyat tidak lagi memandang bekas Perdana Menteri itu sebagai seorang negarawan kerana Dr. Mahathir sendiri yang tidak mahu menunjukkan sikap sebagai negarawan.

"Dia memintanya. Dia mahu menjadi pejuang jalanan dan dia mahu berkelakuan seperti gengster.

"Dia tidak mahu berkelakuan seperti seorang negarawan dan itulah yang dia dapat," katanya



UM-16/8/2017 pg.13

Rakyat tidak lagi memandang bekas Perdana Menteri itu sebagai seorang negarawan kerana Dr. Mahathir sendiri yang tidak mahu menunjukkan sikap sebagai negarawan."

MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
Ahli Majlis Tertinggi UMNO

kepada pemberita selepas merasmikan muzium lilin interaktif i-City, Red Carpet 2 di sini hari ini.

Mohamed Nazri yang juga Menteri Pelancongan dan Kebudayaan memberitahu, beliau tidak terkejut dengan tuduhan pembangkang kononnya kekecohan dalam forum yang dianjurkan oleh Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dicituskan oleh UMNO.

"Ya, semuanya ada kaitan de-

ngan UMNO. Besok, jika seseorang mati, ini juga ada kaitan dengan UMNO," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Nazri berkata, beliau menyokong tindakan Pengerusi Gabungan NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md Yunus untuk turut menganjurkan Forum *Nothing To Hide 0.3*.

"Kenapa tidak, jika mereka (pembangkang) boleh buat, kenapa Jamal tidak boleh buat. Apa istimewanya pembangkang," soalnya.